

**Bahagian A: (10 markah)**

*Pilih perkataan seerti/seiras maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah bagi setiap item di bawah ini.*

1. Zaki menyimpan **wang** pemberian bapanya.

syiling

nota

duit

kantung

2. Kakak sangat **rajin** belajar.

tangkas

malas

tekun

ghairah

3. Emak **sidai** kain yang telah dicuci.

angkat

lipat

gosok

jemur

4. Zarinah **susun** buku-bukunya di rak-rak.

pegang

atur

angkat

buang

5. Dia suka **makan** soto ayam.

semayam

gigit

beradu

santap

**Bahagian B: (10 markah)**

*Pilih perkataan berlawan/berpasang maknanya dengan perkataan*

*yang bergaris bawah bagi setiap item.*

1. Budak perempuan itu sangat **bijak**.

hodoh  
bodoх  
kuat  
cepat

2. Siti meminta **izin** ibu bapanya untuk pergi ke perpustakaan.

larang  
hantar  
henti  
mohon

3. Itu bukan tandas **wanita**.

teruna  
budak  
orang  
lelaki

4. Orang tua itu gemar melihat matahari **terbit**.

terbenam  
senget  
tegak  
timbul

5. Adik menangis kerana dia **lapar**.

haus  
kenyang  
hangat  
sempit

### Bahagian C: (10 markah)

*Pilih pengodoh bilangan yang sesuai bagi setiap item di bawah ini.*

1. Datuk berjalan dengan menggunakan se\_\_\_\_\_ tongkat.

pucuk  
keping  
baris  
batang

2. Adik terjumpa se\_\_\_\_\_ cincin.

bentuk  
pasang  
ketul  
buah

3. Di dalam peti itu ada se\_\_\_\_\_ cengkerik.

orang  
biji  
ekor  
helai

4. Saya menghadiahkan ibu se\_\_\_\_\_ bunga mawar.

ulas  
butir  
tandan  
tangkai

5. Dia ambil se\_\_\_\_\_ telur dari peti sejuk.

bidang  
butir  
utas  
bilah

**Bahagian D: (10 markah)**

*Pilih kata hubung yang sesuai bagi setiap item di bawah ini.*

1. Dia bersiul \_\_\_\_\_ berjalan menuju ke kedai.

walaupun  
sambil  
dengan  
supaya

2. Dia berjalan terhincut-hincut \_\_\_\_\_ kakinya sakit.

sungguhpun

hingga

kerana

dan

3. "Sama ada pindah \_\_\_\_\_ tidak, kita akan tetap bersahabat," kata Meiyi kepada Maimun.

atau

jika

semasa

serta

4. Dia pergi memancing dari pagi \_\_\_\_\_ petang.

serta

supaya

walaupun

hingga

5. "Saya akan menelefon awak \_\_\_\_\_ saya merubah fikiran," kata Osman kepada Govin.

semasa

jika

atau

namun

#### Bahagian E: (10 markah)

Pilih peribahasa yang sesuai bagi setiap frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini.

1. Salmah sentiasa berpayung kerana dia tidak tahan panas.

panas baran

telinga nipis

lidah biawak

puteri lilin

2. Pelajar baru itu tidak disukai oleh kawan-kawannya kerana dia

**tidak suka bercampur gaul dengan orang lain.**

jinak-jinak merpati  
muka tembok  
kepala batu  
kera sumbang

3. Ibu saya **tidak dapat melihat pada waktu senja.**

putih mata  
rambang mata  
rabun ayam  
mata keranjang

4. Setelah bertahun-tahun dia **bekerja kuat**, akhirnya dia dapat mengecap hasilnya.

makan angkat  
mandi peluh  
mandi kerbau  
makan suap

5. Pak Ismail kaya tetapi dia **kedekut.**

tangkai jering  
kecil hati  
ringan tangan  
malu-malu kucing

**Bahagian F: (10 markah)**

Pilih kata gandaan yang sesuai bagi setiap item di bawah ini.

Kemudian, tulis abjad pilihan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.

a. gelap-gelita	b. simpang-siur
c. pandai-pandai	d. kura-kura
e. sibur-sibur	f. saki-baki

1.  dapat hidup di laut dan di darat.
2. Adik tersenyum melihat  berterbangan di udara.

3. Anak-anak Cik Mar  belaka.
4. Keadaan di dalam rumah usang itu .
5.  makanan itu ibu berikan kepada kucing.

**Bahagian G : (10 markah)**

*Berikan kata dasar bagi perkataan yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini. Kemudian, tuliskan jawapan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.*

1. Emak memakai baju kurung berwarna biru.
2. Bapa Mariam ialah seorang penyajak yang terkenal.
3. Anak kucing itu mati kerana termakan racun tikus.
4. Mereka yang berkemampuan tidak layak menerima bantuan tersebut.
5. Adik saya pandai menyanyi.

**Bahagian H : (10 markah)**

*Tuliskan perkataan yang sesuai bagi setiap tempat kosong di bawah ini.*

Siti telah dititah  Sultan untuk mencari senjata-senjata sakti bagi menewaskan serangan perompak-perompak yang  . Siti segera melaksanakan perintah Sultan  berlengah. Dengan menaiki tikar ajaibnya, Siti dibawa ke zaman sedia ada. Dengan bantuan kawan-kawannya,  memulakan misinya untuk mencari senjata-senjata  .

**Bahagian I : (10 markah)**

*Baca petikan karangan ini dengan teliti. Kemudian, pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan yang mengikutinya.*

Suzana seorang pelajar yang sangat rajin. Setiap kali dia pulang

dari sekolah, Suzana akan menghabiskan kerja-kerja sekolahnya. Kemudian, dia akan mengulang kaji pelajarannya selama satu setengah jam. Selesai belajar, Suzana pun mandi.

Selepas mandi, Suzana makan tengahari. Habis makan, Suzana mencuci pinggan-mangkuk. Kemudian, dia menonton televisyen.

Selepas sembahyang maghrib, Suzana menolong ibunya menyiapkan makan malam.

1. Suzana seorang ....

- pelajar yang lembab.
- pelajar sekolah menengah.
- pelajar yang sihat.
- pelajar yang rajin.

2. Sebelum mengulang kaji pelajarannya, Suzana akan ....

- mandi.
- menolong ibu menyiapkan makan tengahari.
- menghabiskan kerja-kerja sekolahnya.
- menonton televisyen.

3. Berapa lamakah Suzana mengulang kaji pelajarannya?

- satu setengah jam
- satu jam
- pukul satu setengah
- setengah jam

4. Apakah yang dilakukan oleh Suzana selepas mandi?

- makan malam
- makan tengahari
- menonton televisyen
- mencuci pinggan-mangkuk

5. Apakah yang dilakukan oleh Suzana selepas sembahyang maghrib?

- menyiapkan tempat tidur
- menonton televisyen
- membantu ibu menyediakan makan malam

mengulang kaji pelajarannya

**Bahagian J : (10 markah)**

*Baca cerita ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya. Tuliskan jawapan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.*

Pada suatu petang, dua orang budak lelaki sedang berjalan pulang dari sekolah setelah menjalani kegiatan luar darjah. Semasa melewati sebuah kawasan semak-samun, seorang daripada mereka iaitu Sazali, ternampak sebuah kereta yang agak remuk. Sazali mengajak kawannya, Adi, untuk menyiasat.

Apabila mereka menghampiri kereta tersebut, mereka terkejut. Mereka ternampak seorang lelaki sedang terbaring bersebelahan dengan kereta itu. Lelaki itu cedera parah.

Sazali merawat lelaki tersebut sementara Adi pergi meminta bantuan. Tidak lama kemudian, sebuah kereta polis dan ambulan pun tiba. Lelaki itu telah dibawa ke rumah sakit. Pihak polis memuji tindakan Sazali dan Adi. Sazali dan Adi berasa sangat bangga.

1. Apakah yang dilihat oleh Sazali dan Adi di dalam semak-samun?  
Di dalam kawasan semak-samun, Sazali dan Adi ternampak

2. Apakah yang dilakukan oleh mereka selepas itu?  
Selepas itu, mereka

3. Mengapakah mereka berdua terkejut?  
Mereka berdua terkejut kerana

4. Apakah yang dilakukan oleh Sazali sewaktu Adi pergi meminta tolong?  
Semasa Adi pergi meminta tolong, Sazali

5. Ke manakah lelaki itu dibawa oleh ambulan?  
Lelaki itu telah dibawa ke

 